

# Usahawan TVET 'wira' ketika COVID-19

Oktober 12, 2020 @ 7:21am

<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/10/740891/usahawan-tvet-wira-ketika-covid-19>



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mansor Othman hadir pada pameran produk keusahawanan peserta pada Majlis Perasmian Penutup Business Opportunity Through Social Media Competition @MCO2020. - Foto FB @PolyCCBosmec

SEDAR atau tidak sebenarnya Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) menjadi wira ketika COVID-19 melanda negara dengan memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Pendekatan awal bidang keusahawanan diterapkan di bangku persekolahan dapat memberi impak begitu besar dalam kemahiran usahawan TVET ketika menghadapi cabaran dunia keusahawanan dalam persekitaran sosial mahupun fizikal.

Sejak penyebaran COVID-19 di serata dunia, banyak sekolah dan institusi terpaksa mengadakan sesi pembelajaran dalam talian.

Berdasarkan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), sehingga awal Oktober 2020, sejumlah 35 negara mengarahkan sesi persekolahan ditutup untuk memutuskan rantai COVID-19 ini.

Akibat penutupan itu, 580 juta anak muda seluruh dunia terkesan, termasuk di Malaysia.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Kebolehpasaran kerja lepasan TVET capai 98 peratus
- Sorotan 2014: Malaysia jadi hab pendidikan serantau makin menyerlah
- MARA tumpu empat teras lonjak ekonomi Bumiputera
- Tolak pemikiran TVET pendidikan kelas kedua

Bagaimanapun, kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi giat turun padang dalam memberi sokongan serta penambahbaikan bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar TVET daripada pelbagai sektor.

Pendekatan ini dapat memberi fokus dalam ekonomi moden iaitu melahirkan usahawan mencipta peluang pekerjaan serta memberi khidmat kepada masyarakat.

Ini seperti ditekankan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mansor Othman, melalui konsep 'mencipta pekerjaan' dan 'universiti kepada komuniti'.

Satu kajian dibuktikan bahawa TVET mampu menggilap potensi modal insan keusahawanan berbanding universiti.

Sebagai contoh, perkhidmatan perniagaan yang hanya dilakukan secara dalam talian menghasilkan pendapatan sangat tinggi dan ia menarik perhatian pelbagai pihak khususnya warga pendidik daripada Kolej Komuniti dan Politeknik pelbagai negeri.

Seiring Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), ia berjaya melonjakkan peranan dimainkan usahawan TVET dalam mengeluarkan produk tempatan yang boleh diguna pakai komuniti setempat.

Pada Ogos lalu, Program Business Opportunity Through Social Media Competition @MCO 2020 dianjurkan bagi menghargai semangat juang anak muda dalam meningkatkan mutu usahawan TVET menuju persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar.

Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah, Nur Hurul Aini Khairul Hisham, memperoleh tiga anugerah melalui program itu membabitkan tempat pertama bagi Anugerah Pencapaian Jualan tertinggi dan masing-masing tempat kedua kategori Anugerah Pemasaran Video serta Anugerah Jualan Unit tertinggi.

Usahawan TVET dari pelbagai politeknik dan kolej komuniti mempunyai potensi besar dalam mencorakkan pertumbuhan ekonomi, khususnya bidang keusahawanan seperti agensi lain yang dilantik kerajaan.

Satu model melahirkan graduan yang sesuai perlu dibentuk bagi menggabung jalin semua ejen sosialisasi keusahawanan untuk melihat impak dalam pembentukan niat keusahawanan pelajar, seterusnya menjadi usahawan yang mampan.

**Muhammad Amirul Firdaus Buang**  
**Pejabat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi**